

20 SEP 1997

Jerebu - Mahathir

DR MAHATHIR BINCANG ISNIN SAMA ADA DARURAT SARAWAK DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengarah Gerakan Negara, akan membincangkan Isnin ini sama ada keadaan darurat jerebu di Sarawak yang masuk hari kedua hari ini akan diteruskan.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat dengan beberapa menteri yang berkaitan mengenai perkara itu.

"Saya serahkan kepada Pengarah Gerakan Negara untuk menarik balik atau tidak," katanya ketika menjawab soalan pemberita pada persidangan berita oleh beliau selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tahap bacaan indeks pencemaran udara di Kuching yang disebutkannya kian menurun daripada 503 pada pukul 12 tengah hari ini kepada 491 pada pukul 1.

Mohamed berkata pada masa ini darurat yang diisytiharkan semalam itu masih berkuatkuasa.

Beliau menjelaskan bahawa walaupun berlaku penurunan dalam bacaan di Kuching hari ini tetapi pemerhatian lanjut masih perlu dijalankan bagi mengenal pasti sama ada ia akan stabil.

"Kita perlu lihat sekurang-kurangnya dalam tempoh 72 jam sama ada ia akan stabil," katanya.

Mengenai kemerosotan kualiti udara di Gombak, yang bacaan indeks pencemaran udaranya di tahap 324 pada pukul 12 tengah hari ini, beliau berkata jika indeks itu terus meningkat melebihi 400, maka semua sekolah di Gombak akan ditutup. -- BERNAMA

MNY WAT